

25 SEP 2002

Chong-Gaya/I

TIGA PARTI BERMINAT CALON MEREKA DIPILIH UNTUK GAYA

KOTA KINABALU, 25 Sept (Bernama) -- Sekurang-kurangnya tiga parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah telah menunjukkan minat supaya wakil mereka dicalonkan bagi pilihan raya kecil Parlimen Gaya.

"Saya tahu terdapat tiga parti komponen iaitu Umno, SAPP (Parti Maju Sabah) dan PBS (Parti Bersatu Sabah)," kata Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan kabinet negeri, Chong yang juga pengerusi BN Sabah berkata beliau bagaimanapun tidak merasakan pemilihan calon akan menjadi satu perkara kontroversi.

"Saya rasa ia satu perkara jelas dan mudah, tidak akan menimbulkan perbalahan, saya tidak menjangkakan sebarang kontroversi," katanya.

Ditanya sama ada Parti Liberal Demokratik yang diketuainya turut berminat menamakan calonnya bagi pilihan raya kecil itu, Chong berkata: Tidak...kami tidak."

Beliau berkata semua parti komponen telah bersetuju untuk menyerahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan mengenai calon, yang dijangka diumumkan dalam sehari dua sebelum penamaan calon pada 3 Okt. Pengundian ditetapkan pada 12 Okt jika ada pertandingan.

Kerusi Gaya kosong selepas wakil rakyatnya Datuk Yong Teck Lee yang juga presiden SAPP, terlucut kelayakannya selepas keputusan Mahkamah Pilihan raya bahawa beliau telah melakukan amalan rasuah semasa pilihan raya negeri pada 1999.

Pada pilihan raya umum 1999, Yong mendapat 15,315 undi mengalahkan dua calon dengan majoriti 4,117. Gaya, kawasan Parlimen yang mempunyai penduduk berbilang kaum, mengandungi 49,426 pengundi termasuk 73 pengundi pos.

Berikutan pilihan raya kecil Gaya, Chong berkata kabinet negeri pada mesyuarat mereka hari ini bersetuju menangguhkan persidangan Dewan Undangan Negeri ke minggu depan menyebabkan pembentangan Bajet Negeri 2001 yang dijadualkan pada 17 Okt ditangguhkan ke 24 Okt.

Kabinet hari ini memperakui pertambahan jumlah kerusi negeri dari 48 kini kepada 60 seperti yang dicadangkan Suruhanjaya Pilihanraya dalam proses persempadanan semula kawasan.

-- BERNAMA

JS RON MOZ